



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Terma Rujukan

PENTADBIR AKADEMIK UNIVERSITI

*Seksyen Governan,
Pejabat Pendaftaran*



Prakata

Terma Rujukan Jawatan Pentadbir Akademik Universiti ini diwujudkan bagi panduan kepada Pentadbir Akademik Universiti yang dilantik dalam menjalankan tugas mengikut skop tugas yang telah ditetapkan oleh Ketua Bahagian.

Terma Rujukan ini dapat membantu Ketua Bahagian menentukan kepentingan jawatan di dalam sesuatu organisasi

Seksyen Governan berharap dengan adanya Terma Rujukan ini, urus tadbir Pusat Tanggungjawab dan Universiti dapat dilaksanakan dengan lebih teratur serta sinergi.

SENARAI TERMA RUJUKAN PENTADBIR AKADEMIK UNIVERSITI

Jawatan	Muka Surat
Pentadbir Akademik Fakulti	
Dekan	1-4
Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar)	5-8
Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan)	9-11
Pengurus (Hubungan Luar dan Global)	12-14
Pengurus Akademik Program Luar	15-17
Ketua Jabatan	18-20
Pengurus (Kualiti Akademik)	21-22
Pentadbir Akademik Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	
Pengerusi Sekolah Pengajian Siswazah	23-26
Timbalan Pengerusi, Sekolah Pengajian Siswazah	27-29
Timbalan Pengerusi BPPK, Sekolah Pengajian Siswazah	30-31
Timbalan Pengerusi, Sekolah Pengajian Siswazah UTMKL	32-35
Pengarah, Pusat Pemajuan Dalam Pendidikan Fleksibel dan Digital (UTMCDEX)	36-40
Timbalan Pengarah, Pusat Pemajuan Dalam Pendidikan Fleksibel dan Digital (UTMCDEX)	41-42
Pengurus Multimedia, UTMCDX	43-44
Pengurus Kurikulum dan Inovasi Pembelajaran	45-46
Pengurus Teknologi Maklumat, UTMCDX	47-48
Pentadbir Akademik Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	
Pengerusi Penyelidikan Bersekutu	49-51
Pengarah HiCoE	52-53
Pengarah Institut	54-55
Pengarah Pusat Kecemerlangan	56-57
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan	58-59
Timbalan Pengarah, Strategik dan Universiti Penyelidikan	60-61
Timbalan Pengarah, Jaringan Industri dan Korporat	62-63
Pengarah, Pusat Inovasi dan Pengkomersialan	64-67
Timbalan Pengarah, Pusat Inovasi dan Pengkomersialan	68-70
Pengarah, Pusat Jaringan Komuniti dan Industri	71-73
Timbalan Pengarah, Pusat Jaringan Komuniti dan Industri	74-77

Jawatan	Muka Surat
Pengurus, Technovation Park	78-79
Pengarah, Pusat Pengurusan Makmal Universiti	80-82
Pengarah, Penerbit UTM Press	83-84
Pengarah Pentadbiran, Pejabat Pentadbiran TNC(P&I) UTM Kuala Lumpur	85-86
Pentadbir Akademik Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	
Pengerusi Bahagian Pengurusan Aset	87-90
Pengarah Endowmen	91-93
Pengarah, Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE)	94-96
Timbalan Pengarah, Unit Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE)	97-99
Timbalan Pengarah, Alam Sekitar, OSHE	100-104
Timbalan Pengarah, Biokeselamatan dan Sinaran), OSHE	105-106
Timbalan Pengarah, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, OSHE	107-109
Pentadbir Akademik Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	
Pengarah Hal Ehwal Pelajar UTM Kuala Lumpur	110-112
Pengarah, Pusat Kerjaya UTM	113-114
Pengarah, Pembangunan Aktiviti Pelajar	115-119
Pengetua Kolej Kediaman	120-122
Pentadbir Akademik Jabatan Canseleri	
Pengarah, Seksyen Hal Ehwal Korporat	123-124
Eksekutif Penyelidik	125-126
Pengarah, Pelestarian Kampus	127-128
Timbalan Pengarah, Pelestarian Kampus	129-130
Timbalan Pengarah, UTM International, UTM Kuala Lumpur	131-132



FAKULTI

DESKRIPSI TUGAS PENTADBIR AKADEMIK

NAMA JAWATAN: DEKAN

TUJUAN PEWUJUDAN JAWATAN

Bertanggungjawab dalam memimpin pengurusan dan halatuju Fakulti

JAWATAN PENYELIA:

1. **TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)**
2. **TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**
3. **TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**
4. **TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)**
5. **KETUA KAMPUS UTM (CAWANGAN KUALA LUMPUR) – DEKAN DI UTM KL**

BIL	AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA	KOMPETENSI
1.	Pembangunan dan pemantauan strategi fakulti selari dengan pelan strategik Universiti untuk mencapai Visi dan Misi Universiti.	1.1 Mengetuai pembangunan dan pemantauan pelan strategik fakulti. 1.2 Menterjemah strategi Universiti kepada warga fakulti sama ada staf dan pelajar. 1.3 Memantau dan mengambil tindakan bersesuaian bagi memastikan pencapaian fakulti dan KPI seperti yang ditetapkan oleh Universiti. 1.4 Menginspirasi, melaksana dan memantau halatuju dan pelan mitigasi risiko fakulti.	1. Perancangan Strategik. 2. Jaringan & Kolaborasi Strategik. 3. Menerajui Perubahan. 4. Kemahiran Membuat Keputusan.
2.	Pemeriksaan program akademik dan penyelidikan serta bidang tujahan fakulti supaya sentiasa kekal relevan dengan keperluan pasaran semasa dan masa hadapan.	2.1 Merancang dan memacu langkah pemeriksaan kedudukan (<i>positioning</i>) bidang tujahan fakulti (<i>niche area</i>) dalam penarafan dalam peringkat nasional dan antarabangsa. 2.2 Memantau secara berterusan penambahbaikan kualiti kurikulum dan pelaksanaan program akademik supaya relevan dengan keperluan pasaran. 2.3 Mengenalpasti dan merangka strategi utama bagi pemeriksaan program akademik dan penyelidikan. 2.4 Memastikan aktiviti penyelidikan dilaksanakan secara dinamik dan berkesan, selaras dengan keperluan strategik di	1. Kepimpinan Akademik. 2. Kepimpinan Penyelidikan. 3. Pembangunan Bakat. 4. Perancangan Strategik. 5. Jaringan & Kolaborasi Strategik. 6. Menerajui Perubahan. 7. Kemahiran Membuat Keputusan.

		peringkat nasional dan antarabangsa, demi mencapai impak yang lebih luas dan berdaya saing.	
3.	Perancangan dan pengurusan sumber fakulti (bakat, kewangan, infrastruktur dan fasiliti) yang cekap dan berkesan bagi menjamin kualiti serta kelestarian program akademik & penyelidikan, budaya kerja efisien dan ekosistem perkhidmatan yang cemerlang.	3.1 Memastikan pengurusan sumber fakulti bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dilaksanakan secara cekap dan berkesan. 3.2 Memastikan kelestarian ekosistem perkhidmatan dan pematuhan terhadap piawaian keselamatan di fakulti. 3.3 Memupuk budaya kepimpinan untuk melahirkan pemimpin akademik dan pentadbir masa hadapan bagi pelan penggantian yang lestari. 3.4 Membudayakan nilai teras universiti dan memastikan kebajikan warga fakulti terpelihara.	1. Pembangunan Bakat. 2. Menerajui Perubahan. 3. Pengurusan Dan Pembangunan Organisasi. 4. Kemahiran Membuat Keputusan.
4.	Penerokaan dan pemeraksanaan jaringan kerjasama dengan industri, komuniti, agensi kerajaan dan alumni untuk memastikan bidang tujahan fakulti relevan dan menjadi rujukan di peringkat nasional dan antarabangsa.	4.1 Meneroka dan menggerakkan inisiatif jaringan kerjasama dengan pemegang taruh untuk pembangunan fakulti dari segi akademik, penyelidikan dan pengantarabangsaan. 4.2 Memantapkan jaringan kerjasama strategik untuk meningkatkan kemudahan, kepakaran, kompetensi staf dan pembangunan pelajar. 4.3 Mengukuhkan perkongsian pintar dan amalan terbaik bersama pihak industri, komuniti, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, alumni, dan pemegang taruh yang lain.	1. Kepimpinan Akademik. 2. Kepimpinan Penyelidikan. 3. Pembangunan Bakat. 4. Perancangan Strategik. 5. Jaringan & Kolaborasi Strategik. 6. Menerajui Perubahan. 7. Kemahiran Membuat Keputusan.
5.	Pelaksanaan dan pemantauan governan fakulti supaya sentiasa mematuhi prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.	5.1 Memastikan tadbir urus dan tatakelola fakulti terutamanya pengurusan akademik, penyelidikan, sumber manusia dan kewangan mematuhi prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh Universiti. 5.2 Membudayakan penyampaian berprestasi tinggi melalui tadbir urus yang efisien.	1. Pengurusan Dan Pembangunan Organisasi. 2. Kemahiran Membuat Keputusan.

		5.3 Memastikan perubahan prosedur dan peraturan oleh Universiti dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran dengan berkesan.	
6.	Pengurusan kewangan bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian fakulti.	6.1 Menyusun dan memantau pelan strategik yang merangkumi pelbagai sumber pendapatan seperti penyelidikan, pengkomersilan, perundingan, dan aktiviti lain yang relevan. 6.2 Memantau status dan prestasi kewangan fakulti untuk kelangsungan dan kelestarian fakulti. 6.3 Memastikan pengurusan kewangan sentiasa mematuhi peraturan kewangan universiti.	1. Kemahiran Pengurusan Kewangan. 2. Kemahiran Analisis dan Penyelesaian Masalah 3. Kemahiran Komunikasi 4. Kemahiran Perancangan Strategik 5. Integriti dan Akauntabiliti 6. Kemahiran Pengurusan Risiko 7. Kemahiran Kepimpinan

PENGALAMAN

1. Berpengalaman sebagai Timbalan Dekan atau jawatan setara.
2. Memiliki pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam pentadbiran.

DIMENSI

Sebagai Pengerusi

1. Jawatankuasa Pengurusan Fakulti/ Jawatankuasa Eksekutif Fakulti
2. Jawatankuasa Akademik Fakulti
3. Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Fakulti
4. Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan Fakulti
5. Jawatankuasa Aset dan Kewangan Fakulti
6. Jawatankuasa Kualiti dan Strategi Fakulti – Pengurus Kualiti dan Strategi
7. Jawatankuasa Endowmen Fakulti
8. Jawatankuasa Pembangunan Bakat Dan Pelan Penggantian (JKPBPP) Fakulti
9. Jawatankuasa Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia (JKPPSM) Fakulti (pilihan)
10. Mesyuarat Fakulti (Setiap Semester)

Sebagai Ahli

1. Senat Universiti
2. Jawatankuasa Pemandu JPU

3. Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCAA)
4. Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) (JKTNCHEPA)
5. Jawatankuasa Tetap Senat Penganugerahan & Pengijazahan (JKTS P&P)
6. Jawatankuasa Tetap Senat Penyelidikan & Inovasi (JKTS P&I)
7. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Induk (JKKP Induk)/ Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTM KL (Dekan KL)
8. Jawatankuasa Pengurusan UTM KL (Dekan KL)
9. Jawatankuasa Aset & Ruang UTM KL (Dekan KL)
10. Majlis Dekan

TARIKH KEMASKINI

18 Mac 2025

DESKRIPSI TUGAS PENTADBIR AKADEMIK

NAMA JAWATAN: TIMBALAN DEKAN (AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR)			
TUJUAN PEWUJUDAN JAWATAN Bertanggungjawab Dalam Pengurusan Program Akademik dan Hal Ehwal Pelajar di Fakulti			
JAWATAN PENYELIA: DEKAN			
BIL	AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA	KOMPETENSI
1.	Perancangan untuk pembangunan program akademik yang kekal relevan dengan keperluan holistik untuk mencapai objektif Universiti dan kelestarian program.	1.1 Menyelaraskan dan memantau pembangunan dan semakan kurikulum yang memenuhi keperluan pemegang taruh serta mendapat kelulusan peringkat Universiti dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). 1.2 Merancang dan memantau proses penambahbaikan program secara berterusan untuk kelestarian program. 1.3 Merancang dan menyelaraskan program jaringan serta jangkauan dengan pemegang taruh, komuniti, alumni dan pihak antarabangsa untuk memperkukuh program akademik. 1.4 Menyokong dan melaksanakan perancangan dan aktiviti pusat tanggungjawab dibawah JTNCAA berdasarkan fungsi yang berkaitan.	1. Kepimpinan akademik. 2. Meneraju Perubahan. 3. Pembangunan Kurikulum.
2.	Perancangan kaedah penyampaian akademik supaya selari dengan keperluan masa hadapan dan bidang tujahan.	2.1 Mengenalpasti dan merancang pembangunan kaedah penyampaian program akademik untuk pelaksanaan. 2.2 Memastikan penambahbaikan dalam pelaksanaan program akademik secara berkala. 2.3 Memastikan program akademik yang dibangunkan sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.	1. Kepimpinan akademik. 2. Meneraju Perubahan. 3. Pembangunan Kurikulum.

3.	Perancangan dan pengurusan kualiti akademik untuk menjamin pengiktirafan program akademik.	3.1 Merancang, memantau dan memastikan pembangunan dan pengawasan kualiti akademik dan pelaksanaan akreditasi di peringkat Fakulti. 3.2 Memantau dan memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penilaian adalah memenuhi ketetapan Universiti dan badan profesional (jika berkaitan). 3.3 Menyemak laporan prestasi akademik, APAR dan APAER, serta kesediaan lain-lain dokumen berkaitan seperti laporan pemegang taruh (Penilai Luar (EE), Panel Penasihat Industri (IAP), Majikan, Industri, Alumni) dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.	1. Kepimpinan Akademik 2. Meneraju Perubahan 3. Pembangunan Bakat 4. Pengajaran & Pembelajaran 5. Pentaksiran Pembelajaran 6. Teknologi Pengajaran & Pembelajaran 7. Kemahiran Perundingan & Latihan
4.	Memperkasa dan menganalisa keperluan pembangunan kompetensi staf akademik fakulti.	4.1 Merancang dan menganalisa keperluan pembangunan kompetensi staf akademik selaras dengan keperluan peraturan semasa. (perlu ada juga dalam senarai tugas Pengurus Eksekutif Fakulti (TP) – skop staf PPP) 4.2 Memantau kualiti pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap terbaik.	1. Kepimpinan akademik 2. Pembangunan Bakat 3. Meneraju Perubahan 4. Penyampaian 5. Pengajaran & Pembelajaran 6. Pentaksiran pembelajaran 7. Teknologi Pengajaran & Pembelajaran 8. Kemahiran Perundingan & Latihan
5.	Perancangan pengambilan pelajar selaras dengan sumber akademik dan prasarana yang selari dengan sasaran fakulti dan universiti.	5.1 Menetapkan unjuran pengambilan, enrolmen dan memastikan pengijazahan pelajar disediakan mengikut keperluan semasa Universiti. 5.2 Memastikan kualiti pengambilan pelajar dipatuhi. 5.3 Menyelaras pemasaran program fakulti melalui pelbagai platform.	1. Kepimpinan akademik 2. Meneraju Perubahan 3. Pembangunan Pelajar 4. Pengajaran & Pembelajaran 5. Teknologi Pengajaran & Pembelajaran

6.	Pemantauan prestasi dan pencapaian pelajar bagi menjaga kualiti pelajar dan graduan serta pembangunan, kebajikan dan kesejahteraan pelajar selaras dengan keperluan masa kini dan masa hadapan.	6.1 Memantau pencapaian akademik pelajar secara berterusan. 6.2 Merancang dan memantau program pembangunan pelajar atau aktiviti bagi meningkatkan motivasi pelajar. 6.3 Merancang program dan aktiviti bagi memupuk semangat inovasi, kreativiti dan keusahawanan di kalangan pelajar. 6.4 Menyelaraskan pengurusan hal ehwal tatatertib dan disiplin pelajar serta program kebajikan untuk pelajar. 6.5 Memastikan program kebolehpasaran graduan dilaksanakan untuk mencapai sasaran universiti. 6.6 Merancang program mobiliti pelajar mengikut keperluan universiti.	1. Kepimpinan akademik 2. Pembangunan Pelajar 3. Pengajaran & Pembelajaran
7.	Perancangan dan penyelarasan libat urus alumni	7.1 Menyelaraskan inisiatif libat urus alumni bagi memastikan kesinambungan dan sokongan berterusan antara fakulti dan graduan. 7.2 Bekerjasama dengan Penyelaras Alumni untuk merancang dan melaksanakan program serta aktiviti alumni.	

PENGALAMAN

1. Berpengalaman sebagai Ketua Jabatan atau yang setara dengannya sekurang-kurangnya 3 tahun.

DIMENSI

Sebagai Pengerusi

1. Jawatankuasa Siasatan Salahlaku Akademik.
2. Jawatankuasa Kurikulum Fakulti.
3. Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Pengurusan Akademik.
4. Jawatankuasa Jadual Kuliah dan Beban Pengajaran.

Sebagai Ahli

1. Jawatankuasa Tetap Senat (Kualiti dan Kurikulum Akademik (JKTS KKA).
2. Jawatankuasa Kurikulum Universiti (JKKU).
3. Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU).
4. Jawatankuasa Pengurusan Akademik Prasiswazah Universiti (JKPAPU).
5. Jawatankuasa Akademik Fakulti (JKAF).
6. Jawatankuasa Pengurusan Fakulti (JKP).
7. Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Pembangunan Sumber Manusia Fakulti (JKPBPP).
8. Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Pelajar (JKP HEPA).
9. Jawatankuasa Tetap Senat (Perpustakaan & Sumber Pendidikan).

TARIKH KEMASKINI

18 Mac 2025

DESKRIPSI TUGAS PENTADBIR AKADEMIK

NAMA JAWATAN: TIMBALAN DEKAN (PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PEMBANGUNAN)			
TUJUAN PEWUJUDAN JAWATAN			
Bertanggungjawab dalam pengurusan penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi di fakulti.			
JAWATAN PENYELIA: DEKAN			
BIL	AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA	KOMPETENSI
1.	Perancangan untuk pembangunan program penyelidikan yang kekal relevan dengan keperluan industri, universiti dan badan profesional untuk mencapai objektif Universiti.	1.1 Merancang dan memantau program penyuburan budaya penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersilan secara sinergi selaras dengan agenda penyelidikan universiti. 1.2 Merancang dan memantau program bagi mendapatkan geran penyelidikan, meningkatkan bilangan dan kualiti penerbitan, inovasi dan pengkomersilan serta perkhidmatan profesional. 1.3 Merancang dan memantau pembangunan dalam penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersilan serta perkhidmatan profesional dilaksanakan. 1.4 Merancang dan memantau pembangunan bakat mengikut bidang tujahan di fakulti. 1.5 Merancang dan membangun strategi untuk meningkatkan pencapaian penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersilan serta perkhidmatan profesional dijalankan untuk pengekal status Universiti Penyelidikan. 1.6 Merancang dan memantau aktiviti bagi meningkatkan Penjanaan Pendapatan Fakulti.	1. Kepimpinan Penyelidikan 2. Pembangunan Bakat 3. Meneraju Perubahan 4. Penyelidikan dan Pembangunan 5. Penyampaian Maklumat dan Hasil Penyelidikan 6. Pembangunan Profesional 7. Penyeliaan Penyelidikan 8. Penulisan & Penerbitan 9. Pengurusan Geran Penyelidikan 10. Kemahiran Perundingan & Latihan 11. Pembangunan Keusahawanan 12. Kepintaran Perniagaan

		1.7 Merancang program penjenamaan berkaitan penyelidikan fakulti di peringkat tempatan dan antarabangsa bagi mencapai kesohoran global. 1.8 Memantau penyelarasan program pemerkasaan kumpulan penyelidikan (CoE , makmal satelit dan makmal hidup) di Fakulti. 1.9 Menyokong perancangan dan aktiviti Penyelidikan Bersekutu (Research Alliance) dan semua entiti di bawah Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).	
2.	Perancangan aktiviti inovasi selaras dengan infrastruktur dan sumber penyelidikan selari dengan sasaran fakulti dan universiti.	2.1 Merancang dan memantau program jaringan dan jangkauan dengan pihak industri, komuniti, alumni dan antarabangsa dilaksanakan untuk memperkasakan aktiviti RDCI. 2.2 Merancang dan melaksanakan aktiviti pusat tanggungjawab di bawah JTNCPI berdasarkan fungsi yang berkaitan.	1. Kepimpinan Penyelidikan 2. Meneraju Perubahan 3. Penyelidikan dan Pembangunan 4. Penyampaian Maklumat dan Hasil Penyelidikan 5. Pengurusan Geran Penyelidikan 6. Kemahiran Perundingan & Latihan 7. Pembangunan Keusahawanan 8. Kepintaran Perniagaan
3.	Perancangan Pembangunan, Infrastruktur makmal pengajaran dan penyelidikan serta pengurusan dana penyelidikan bagi memastikan keperluan penyelidikan dipenuhi di peringkat Fakulti.	3.1 Merancang keperluan infrastruktur dan ekosistem penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran. 3.2 Memantau pelaksanaan program dan aktiviti Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE) di makmal-makmal pengajaran dan penyelidikan di Fakulti. 3.3 Merancang perolehan infrastruktur, fasiliti dan sumber penyelidikan untuk membolehkan semua aktiviti pengajaran dan penyelidikan Fakulti dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.	1. Kepimpinan Penyelidikan 2. Pembangunan Bakat 3. Meneraju Perubahan 4. Penyelidikan dan Pembangunan 5. Penyampaian Maklumat dan Hasil Penyelidikan 6. Pembangunan Profesional 7. Penyeliaan Penyelidikan 8. Pengurusan Geran Penyelidikan 9. Kemahiran Perundingan & Latihan

		3.4 Merancang perolehan dana penyelidikan dari dalam dan luar negara untuk fakulti. 3.5 Merancang aktiviti pembangunan makmal penyelidikan di fakulti.	
4.	Perancangan meningkatkan kolaborasi bersama pihak/ industri luar dan aktiviti pengantarabangsaan untuk meningkatkan visibiliti bidang tujahan fakulti dalam penyelidikan untuk mencapai objektif Universiti.	4.1 Merancang pelaksanaan program meningkatkan kolaborasi/jaringan bersama pihak alumni, industri dan masyarakat peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan penyelidikan dan inovasi. 4.2 Merancang pengurusan jaringan industri, kerajaan, komuniti dan universiti (GUCI) dalam bidang penyelidikan bagi memastikan kepentingan organisasi dipelihara. 4.3 Merancang inisiatif aktiviti MoU/ MoA dan LoC bagi aktiviti penyelidikan Fakulti. 4.4 Merancang penyediaan bahan promosi pemasaran penyelidikan di fakulti.	1. Kepimpinan Penyelidikan. 2. Pembangunan Bakat. 3. Meneraju Perubahan. 4. Penyelidikan dan Pembangunan. 5. Penyampaian Maklumat dan Hasil Penyelidikan. 6. Pembangunan Professional. 7. Penyeliaan Penyelidikan. 8. Pengurusan Geran Penyelidikan. 9. Kemahiran Perundingan & Latihan. 10. Jaringan dan Kolaborasi Strategik.
PENGALAMAN 1. Berpengalaman sebagai Penolong Dekan/Pengarah Jabatan/Pengarah Program/Ketua Jabatan/Pengarah Pusat Kecemerlangan (CoE)/Pengarah Pusat Penyelidikan (RC) atau yang setara dengannya sekurang-kurangnya 2 tahun atau; 2. Berpengalaman sebagai Pengurus Penyelidikan sekurang-kurangnya 2 tahun.			
DIMENSI 1. Jawatankuasa Tetap Senat (Penyelidikan Inovasi). 2. Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 3. Jawatankuasa Penyelidikan Inovasi Fakulti. 4. Jawatankuasa Pengurusan Fakulti. 5. Bilangan makmal penyelidikan di fakulti. 6. Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Pembangunan Sumber Manusia Fakulti 7. Jawatankuasa Akademik Fakulti 8. Bilangan kumpulan penyelidikan di Fakulti 9. Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Inovasi dan Pengkomersilan 10. Jawatankuasa Pengurusan Libat Sama Komuniti dan Jaringan Industri (JKPLKJI) Universiti			
TARIKH KEMASKINI 18 Mac 2025			

DESKRIPSI TUGAS PENTADBIR AKADEMIK

NAMA JAWATAN: PENGURUS (HUBUNGAN LUAR DAN GLOBAL)			
TUJUAN PENGWUJUDAN JAWATAN			
Bertanggungjawab kepada Dekan Fakulti			
JAWATAN PENYELIA: DEKAN			
BIL	AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA	KOMPETENSI
1.	Perancangan strategi dan penyelarasan aktiviti untuk meningkatkan penarafan (<i>ranking</i>) universiti di peringkat fakulti.	1.1 Mempengerusikan Jawatankuasa Ranking peringkat Fakulti. 1.2 Bertanggungjawab dalam merancang, membuat dan menjalankan strategi dalam meningkatkan ranking fakulti di mata dunia. 1.3 Memastikan segala bentuk penarafan dan ranking di fakulti mencapai objektif yang disasarkan mengikut masa yang ditetapkan. 1.4 Bertanggungjawab dalam proses pengumpulan data dan pengemaskinian data untuk tujuan penarafan global universiti di peringkat fakulti. 1.5 Bertanggungjawab dalam memastikan data yang diberikan oleh fakulti untuk tujuan penarafan global universiti adalah berkualiti, terkini dan menepati keperluan yang ditetapkan.	1. Kepimpinan akademik 2. Menerajui Perubahan 3. Pemikiran Analitikal. 4. Jaringan dan Kolaborasi Strategik. 5. Perancangan Strategik. 6. Pemikiran Kritikal dan Inovatif. 7. Kemahiran Perundingan.

2.	Penyelarasan jaringan luar dan industri (luar negara) di peringkat fakulti.	2.1 Mempengerusikan Jawatankuasa Antarabangsa dan Hubungan Luar peringkat Fakulti. 2.2 Bertanggungjawab dalam meningkatkan hubungan luar fakulti dengan industri, pihak kerajaan dan universiti luar Negara. 2.3 Melaksanakan promosi urusan berkaitan program mobiliti pelajar & staf (<i>inbound</i> dan <i>outbound</i>) di peringkat fakulti. 2.4 Menyelaraskan semua isu berkaitan pelajar dan staf antarabangsa di peringkat fakulti. 2.5 Menyelaraskan lawatan-lawatan dari/ ke luar negara di peringkat fakulti. 2.6 Menyelaraskan bersama Timbalan Dekan dokumen kerjasama Letter of Intent (LOI), Letter of Collaboration (LoC), Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) di peringkat fakulti dengan pihak luar (dalam dan luar negara). 2.7 Merangka strategi-strategi dan menyelaraskan aktiviti pengantarabangsaan dan 'internationalization at home' di peringkat fakulti.	1. Kepimpinan akademik 2. Menerajui Perubahan 3. Pemikiran Analitikal. 4. Kecaknaan dan kepekaan kepada isu-isu penting dan situasi semasa di peringkat nasional dan global. 5. Jaringan dan Kolaborasi Strategik. 6. Perancangan Strategik. 7. Pemikiran Kritikal dan Inovatif. 8. Kemahiran Perundingan.
----	---	---	---

3.	Penyelarasan jaringan luar, industri (dalam negara) dan masyarakat di peringkat fakulti.	3.1 Mempengerusikan Jawatankuasa Luar, Industri dan masyarakat di peringkat Fakulti. 3.2 Menguruskan hubungan kerjasama dengan industri, agensi kerajaan, dan organisasi luar. 3.3 Menyelaras peluang kolaborasi dalam penyelidikan, latihan, dan penempatan industri. 3.4 Menyelaras program perkongsian pengetahuan dan teknologi antara universiti dan industri. 3.5 Mengurus penganjuran forum, seminar, bengkel dan program berkaitan untuk mempertemukan warga fakulti/ universiti dengan wakil industri. 3.6 Mengurus penganjuran program khidmat masyarakat yang memberi impak positif kepada masyarakat setempat.	1. Kepimpinan akademik 2. Menerajui Perubahan 3. Pemikiran Analitikal. 4. Kecaknaan dan kepekaan kepada isu-isu penting dan situasi semasa di peringkat nasional dan global. 5. Jaringan dan Kolaborasi Strategik. 6. Perancangan Strategik. 7. Pemikiran Kritikal dan Inovatif. 8. Kemahiran Perundingan.
PENGALAMAN 1. Berpengalaman sekurang-kurangnya 1 tahun sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa di bawah Pengurus (Hubungan Luar dan Global).			
DIMENSI - Jawatankuasa Ranking - Jawatankuasa Pengantarabangsaan - Jawatankuasa Jaringan Komuniti dan Industri - Jawatankuasa Eksekutif Fakulti - Jawatankuasa Alumni Universiti - Jawatankuasa Tetap Senat Penyelidikan & Inovasi Universiti - Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi Fakulti - Jawatankuasa Penjenamaan Fakulti - Jawatankuasa Pemasaran/ Promosi Fakulti			
TARIKH KEMASKINI 18 Mac 2025			

DESKRIPSI TUGAS PENTADBIR AKADEMIK

NAMA JAWATAN: PENGURUS AKADEMIK (PROGRAM LUAR)			
TUJUAN PEWUJUDAN JAWATAN			
Bertanggungjawab dalam pengurusan Program Akademik SPACE UTM (Pengajian Separuh Masa, Program Kerjasama (termasuk inisiatif Pendidikan Transnasional UTM (TNE)) dan inisiatif <i>International Degree Programme</i> UTM (UTM-IDP))			
JAWATAN PENYELIA: TIMBALAN DEKAN (AKADEMIK & HAL EHWAL PELAJAR)			
BIL	AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA	KOMPETENSI
1.	Pelaksanaan urusan Program Akademik (Pengajian Separuh Masa dan Program Kerjasama (termasuk TNE) dan UTM-IDP)) berjalan dengan cekap dan terancang.	1.1 Merancang penawaran Program Akademik (Pengajian Separuh Masa dan Program Kerjasama (termasuk TNE) dan UTM-IDP)). 1.2 Membantu Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwat Pelajar) dalam urusan Program Akademik (Pengajian Separuh Masa dan Program Kerjasama (termasuk TNE) dan UTM-IDP)) 1.3 Menyelaras penawaran kursus pendek dan seminar bagi program pembelajaran sepanjang hayat seperti program luar, khas dan eksekutif. 1.4 Merancang penawaran kursus, penyediaan jadual waktu dan agihan tenaga pengajar. 1.5 Menyelaras, menyemak dan memantau penyediaan jadual kerja urusan peperiksaan akhir. 1.6 Mengurus penyediaan dokumen keputusan peperiksaan sebelum mesyuarat JKTS. 1.7 Memastikan urusan akademik berkaitan mengikut peraturan akademik.	1. Kepimpinan Akademik 2. Penyelidikan dan Pembangunan 3. Penyampaian Pembelajaran & Pengajaran 4. Penyeliaan Penyelidikan 5. Penulisan & Penerbitan 6. Kemahiran Membuat Keputusan 7. Kemahiran Sosial

2.	Pelaksanaan urusan kualiti Program Akademik (Pengajian Separuh Masa dan Program Kerjasama (termasuk TNE dan program khas) dan UTM-IDP)) bagi pengekal akreditasi program.	2.1 Menyemak penyediaan fail kursus yang lengkap pada setiap semester. 2.2 Menyediakan APAR & APAER Program Akademik Pengajian Separuh Masa. 2.3 Menyediakan dokumen akreditasi program. 2.4 Menyelaras proses audit akreditasi program. 2.5 Melaksanakan <i>Exit Survey</i>.	1. Kepimpinan Akademik 2. Penyelidikan dan Pembangunan 3. Penyampaian Pembelajaran & Pengajaran 4. Pentaksiran pembelajaran 5. Kemahiran membuat Keputusan 6. Kemahiran Sosial
3.	Penglibatan dalam aktiviti promosi Program Akademik SPACE UTM (Pengajian Separuh Masa dan Program Kerjasama (termasuk TNE) dan UTM-IDP)) untuk kelestarian program.	3.1 Menjalinkan serta melestari hubungan dengan rakan kerjasama. 3.2 Mengenalpasti pasaran baharu dan potensi rakan kerjasama. 3.3 Mengambil bahagian aktiviti promosi program. 3.4 Menjalankan kaji selidik kebolehpasaran graduan (GE).	1. Kepimpinan Akademik 2. Penyampaian Pembelajaran & Pengajaran 3. Kemahiran membuat Keputusan 4. Kemahiran Sosial 5. Pemikiran Kritikal dan Inovatif 6. Perancangan Strategik
4.	Penyelarasan hubungan kerjasama antara Fakulti, SPACE dan pemegang taruh bagi memperkukuhkan program pembelajaran berterusan dan pendidikan transnasional.	4.1 Menjadi pegawai perantara SPACE dengan Fakulti dan Pemegang Taruh. 4.2 Menyampaikan maklumat tadbir urus semasa program ke Fakulti. 4.3 Menjalinkan hubungan bersama pemegang taruh seperti alumni, pelajar dan industri. 4.4 Memastikan kesejahteraan pelajar diurus dan dilaksanakan dengan baik termasuk mencadangkan penyelesaian bagi isu akademik pelajar. 4.5 Mencadangkan pelantikan Penasihat Akademik dan Penyelaras Program	1. Kepimpinan Akademik 2. Penyampaian Pembelajaran & Pengajaran 3. Kemahiran Membuat Keputusan 4. Kemahiran Sosial 5. Pemikiran Kritikal dan Inovatif 6. Jaringan dan Kolaborasi Strategik

PENGALAMAN 1. Berpengalaman sebagai Penyelaras Program sekurang-kurangnya 2 tahun.
DIMENSI 1. Jawatankuasa Akademik Fakulti. 2. Jawatankuasa Pengurusan Fakulti. 3. Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti. 4. Jawatankuasa Penyelarasan Akademik SPACE
TARIKH KEMASKINI 18 Mac 2025

DESKRIPSI TUGAS PENTADBIR AKADEMIK

NAMA JAWATAN: KETUA JABATAN			
TUJUAN PEWUJUDAN JAWATAN Bertanggungjawab dalam menyelaraskan program akademik dan pembangunan jabatan			
JAWATAN PENYELIA: TIMBALAN DEKAN (AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR) DAN TIMBALAN DEKAN (PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PEMBANGUNAN)			
BIL	AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA	KOMPETENSI
1.	Perancangan dan Pelaksanaan Program Akademik untuk menghasilkan program yang relevan dengan keperluan semasa dan mencapai objektif universiti.	1.1 Menjadi pemilik program akademik di bawah bidang ilmu serta merancang pembangunan program akademik meliputi kurikulum, pengajaran dan pembelajaran. 1.2 Merancang dan melaksanakan aktiviti akademik yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. 1.3 Mencadangkan pelantikan Penyelaras Program Akademik, Penyelaras Kursus serta keanggotaan jawatankuasa dari jabatan. 1.4 Menetapkan beban pengajaran dan penawaran kursus setiap semester. 1.5 Mengenalpasti dan memastikan keperluan bidang tujahan jabatan kekal relevan mengikut keperluan universiti.	1. Kepimpinan akademik 2. Meneraju Perubahan 3. Penyampaian Pengajaran & Pembelajaran 4. Pembangunan Kurikulum 5. Teknologi Pengajaran & Pembelajaran
2.	Pengekalan kualiti akademik untuk menjamin pengiktirafan program.	2.1 Memastikan aktiviti akademik dilaksanakan mengikut standard program. 2.2 Menyemak dan memastikan penyediaan dokumentasi yang lengkap bagi tujuan akreditasi dan audit program akademik. 2.3 Melaksanakan semakan kurikulum mengikut ketetapan MQA dan badan profesional.	1. Kepimpinan akademik 2. Meneraju Perubahan 3. Pembangunan Kurikulum

3.	Pemantapan Kualiti Akademik untuk kelestarian program.	3.1 Mencalonkan panel penilai Program (penilai luar dan panel penasihat industri) serta mengesahkan laporan berkaitan. 3.2 Mencadangkan pelantikan tenaga pelawat akademik seperti profesor dan pensyarah pelawat, adjung, staf akademik fleksibel (SAF) dan lain-lain mengikut keperluan jabatan. 3.3 Melaksanakan penambahbaikan berterusan program akademik selaras dengan perkembangan ilmu dan teknologi serta keperluan pemegang taruh. 3.4 Memastikan staf melengkapkan fail kursus program yang dikemaskini pada setiap semester. 3.5 Menyelia penyediaan dan mengesahkan dokumen Laporan Tahunan Penilaian Program (APAR).	1. Kepimpinan akademik 2. Meneraju Perubahan 3. Pembangunan Kurikulum 4. Teknologi Pengajaran dan Pembelajaran 5. Pentaksiran pembelajaran
4.	Perancangan Pembangunan Staf Akademik dan Pelan Penggantian untuk melahirkan staf yang kompeten.	4.1 Memantau kompetensi dan prestasi kerja staf jabatan serta menyedia laporan sulit/khas bagi staf akademik yang bermasalah. 4.2 Merancang pembangunan bakat staf akademik termasuk laluan kerjaya staf jabatan. 4.3 Mengenalpasti <i>subject matter expert</i> dan bidang tujahan staf. 4.4 Merancang keperluan dan pelan penggantian tenaga akademik serta menyediakan perancangan aktiviti bagi menyokong pembangunan dan keperluan staf 4.5 Menyokong permohonan cuti dan pergerakan staf jabatan dan merancang latihan staf melibatkan cuti	1. Kepimpinan akademik 2. Pembangunan Bakat 3. Meneraju Perubahan 4. Pengajaran & Pembelajaran 5. Pembangunan Profesional 6. Kemahiran Perundingan Dan Latihan

		belajar, Latihan Ikhtisas, Cuti Sabatikal, dan Pasca Kedoktoran.	
5.	Perancangan latihan staf akademik berkaitan aspek pengajaran dan pembelajaran untuk melahirkan graduan holistik.	5.1 Merancang keperluan pembangunan kompetensi staf dalam pengajaran dan pembelajaran supaya selari dengan keperluan kaedah pengajaran dan teknologi masa kini. 5.2 Membangun program sahsiah dan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran. 5.3 Memantau pencapaian Penilaian Pengajaran Pensyarah fakulti.	1. Kepimpinan akademik 2. Pembangunan Bakat 3. Meneraju Perubahan 4. Penyampaian 5. Pengajaran & Pembelajaran 6. Pentaksiran pembelajaran 7. Teknologi Pengajaran & Pembelajaran 8. Kemahiran Perundingan & Latihan
6.	Penyelarasan Pembangunan Pelajar untuk melahirkan graduan yang holistik.	6.1 Mencalonkan Penasihat Akademik untuk setiap kohort pelajar. 6.2 Mengenalpasti pelajar bermasalah serta merancang bantuan yang berkaitan. 6.3 Menyokong dan menasihati aktiviti pembangunan kemahiran insaniah dan sahsiah pelajar.	1. Kepimpinan akademik 2. Pembangunan Pelajar

PENGALAMAN

1. Berpengalaman sebagai Penyelaras Program/Pengurus Akademik/AJK berkaitan Akademik atau yang setara dengannya sekurang-kurangnya 2 tahun.
2. Berpengalaman dalam aktiviti Pengurusan Akademik sekurang-kurangnya 2 tahun.
3. Mempunyai ijazah dalam bidang yang sama dengan jabatan selaras dengan syarat MQA dan Badan Profesional (jika berkaitan)

DIMENSI

1. Jawatankuasa Akademik Fakulti.
2. Jawatankuasa Pengurusan Fakulti.
3. Jawatankuasa Siasatan Salah laku Akademik.
4. Jawatankuasa Kurikulum Fakulti.
5. Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Pembangunan Sumber Manusia Fakulti.
6. Jawatankuasa PSM
7. Jawatankuasa Kebolehpasaran Graduan

TARIKH KEMASKINI

18 Mac 2025

DESKRIPSI TUGAS PENTADBIR AKADEMIK

NAMA JAWATAN: PENGURUS (KUALITI AKADEMIK)			
TUJUAN PEWUJUDAN JAWATAN			
Bertanggungjawab dalam pengurusan kualiti program akademik fakulti dan hala tuju strategik Fakulti			
JAWATAN PENYELIA: DEKAN / TIMBALAN DEKAN AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR			
BIL	AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA	KOMPETENSI
1.	Pembangunan dan pelaksanaan pelan tindakan fakulti selaras dengan pelan strategik universiti, termasuk menubuh dan mengurus indikator prestasi, memastikan ketersediaan data serta pelaporan berkala, serta memacu penambahbaikan berterusan dalam pencapaian objektif fakulti dan universiti.	1.1 Membantu Dekan merangka/ membangunkan dan melaksanakan pelan strategik fakulti sejajar dengan pelan strategik universiti. 1.2 Membuat semakan secara berkala pelaksanaan pelan strategik fakulti. 1.3 Memastikan pengemaskinian data pencapaian (termasuk indikator pencapaian) dan pelaporan berkaitan strategi fakulti.	1. Kemahiran Membuat Keputusan 2. Kemahiran Analitik 3. Pengurusan Perubahan (<i>Change Management</i>)
2.	Pemantauan kualiti program akademik selari dengan bidang tujahan Universiti dan fakulti supaya sentiasa kekal relevan dengan keperluan pasaran semasa dan masa hadapan serta keperluan badan akreditasi yang terlibat	2.1 Menyelaras pelaksanaan proses akreditasi di peringkat fakulti secara berkala bagi memastikan jaminan kualiti program akademik terpelihara. 2.2 Memudahcara perkara berkaitan akreditasi dan penghubung dengan badan akreditasi dalam dan luar universiti. 2.3 Menyelaras proses audit dalam bagi program akademik bersama pasukan Penilai Audit Dalam fakulti. 2.4 Menyelaras Laporan Maklumbalas Audit Akreditasi program akademik. 2.5 Memastikan fail kursus disediakan mengikut format yang ditetapkan.	1. Kepimpinan akademik 2. Pengajaran & Pembelajaran 3. Pentaksiran Pembelajaran 4. Teknologi Pengajaran & Pembelajaran 5. Pengurusan Kualiti Akademik 6. Proses Akreditasi Program Akademik dari badan akreditasi 7. Menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh badan akreditasi 8. Menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam proses pembangunan

		2.6 Bersama dengan TDA memastikan proses pembangunan program baharu dan semakan kurikulum, audit pematuhan bagi mematuhi keperluan KPT dan badan akreditasi. 2.7 Memastikan sistem IQA dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan. 2.8 Memastikan proses IQA dipantau dan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa sebagaimana sepatutnya. 2.9 Memastikan laporan IAP, laporan pemeriksa luar, <i>exit survey</i> graduan, kaji selidik alumni dan kaji selidik majikan disediakan dengan lengkap. 2.10 Menyelaras laporan CAR, PAR, APAR serta menyediakan laporan APAER bagi setiap sesi pengajian. 2.11 Memastikan dokumen untuk proses akreditasi disediakan dengan sempurna dan lengkap sebagaimana sepatutnya. 2.12 Menyelaras aktiviti berkaitan persiapan Anugerah Kualiti Akademik (AKA). 2.13 Menyimpan dan mengemaskini rekod akreditasi kelulusan program. 2.14 Mengemaskini rekod Jumud, Beku, Lupus program akademik di fakulti.	kurikulum berdasarkan keperluan Kementerian Pendidikan Tinggi atau badan lain yang berkaitan.
PENGALAMAN 1. Pernah dilantik sebagai Penyelaras Program Akademik atau jawatan setara. 2. Memiliki pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam pentadbiran.			
DIMENSI 1. Jawatankuasa Kurikulum Universiti. 2. Jawatankuasa Kualiti Dalam Universiti (JKDU). 3. Jawatankuasa Eksekutif Fakulti. 4. Jawatankuasa Akademik Fakulti. 5. Jawatankuasa Kualiti Fakulti			
TARIKH KEMASKINI 18 Mac 2025			



JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (A&A)

DISKRIPSI TUGAS PENTADBIR AKADEMIK

NAMA JAWATAN : PENERUS, SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH		
BERTANGGUNGJAWAB KEPADA : NAIB CANSELO; TIMBALAN NAIB CANSELO (AKADEMIK & ANTARABANGSA).		
BIL	AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA
1	Mengendalikan pengurusan pasca siswazah akademik dan penyeliaan.	1.1 Memastikan segala urusan hal ehwal yang berkaitan pengajian siswazah di UTM berjalan dengan lancar. 1.2 Bertanggungjawab dalam memastikan dokumen rujukan seperti Peraturan Akademik, Prosedur Pengajian Siswazah dan SOP dikemaskini secara berkala mengikut perkembangan semasa. 1.3 Memastikan urusan pelantikan penyelia UTM dan penyelia luar berjalan dengan lancar. 1.4 Memastikan sistem penilaian pelajar penyelidikan selaras dengan atribut graduan pasca siswazah UTM. 1.5 Bertanggungjawab memastikan polisi dan peraturan akademik pelajar pasca siswazah dilaksanakan di Fakulti dan PTJ pusat yang berkaitan seperti AMD 1.6 Menyemak dokumentasi, laporan graduan pelajar pascasiswazah penyelidikan dan sistem maklumat pengajian siswazah UTM untuk JKTS 1.7 Mempengerusikan Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU). 1.8 Memastikan isu-isu pelajar pasca siswazah dikendalikan dengan baik bersama PTJ lain.
2	Mengendalikan pengurusan dan pentadbiran jabatan	2.1 Membuat perancangan dan menguruskan pembangunan kemahiran di kalangan staf termasuk latihan, kursus dan bengkel. 2.2 Memantau kebajikan staf di jabatan. 2.3 Menguruskan fasiliti pelajar pasca siswazah di ruang yang disediakan berada dalam keadaan baik. (cth: workspace di C09 dan P23). 2.4 Menguruskan dan

		membuat perancangan kewangan untuk PTJ. 2.5 Membuat perancangan bagi proses kenaikan pangkat dan penempatan staf. 2.6 Memantau dan memastikan pencapaian KAI Jabatan yang diberikan oleh pihak Universiti dan KAI yang ditetapkan
3	Memastikan kualiti dan pengurusan program akademik mencapai standard mengikut hasrat Universiti	3.1 Bertanggungjawab memantau dan memastikan program Pasca Siswazah di UTM yang ditawarkan kekal berdaya saing. 3.2 Membuat perancangan hala tuju jangka panjang dan jangka pendek program pasca siswazah di UTM. 3.3 Bertanggungjawab dalam memastikan kualiti pengurusan program pengajian siswazah penyelidikan di UTM memenuhi Standard Umum dan Standard Program yang telah ditetapkan oleh badan akreditasi dan professional. 3.4 Memastikan proses semakan kurikulum dibuat pada masa yang ditetapkan dan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh badan akreditasi dan profesional. 3.5 Bekerjasama dengan pihak QRiM untuk memastikan program pasca siswazah yang ditawarkan mendapat kelulusan KPT dan didaftarkan di MQR apabila ditawarkan. 3.6 Membuat perancangan pelaksanaan program pembangunan penyeliaan seperti AS 101, AS102, AS103 dan kursus-kursus yang relevan dari masa ke semasa. 3.7 Membuat perancangan dan menawarkan program yang menyokong pembelajaran pelajar penyelidikan di UTM menerusi program PGSS, PGSC , PGCS dan pertandingan yang meningkatkan kemahiran generik pelajar seperti 3MT, Famelab dan sebagainya. 3.8 Memperkenalkan, mempromosi dan melaksanakan program akademik yang menyokong pembelajaran fleksibel dan pembelajaran sepanjang hayat seperti Micro Credential, APEL, Stackable Degree dan MOOC.

4	Memastikan pengurusan sistem akademik sentiasa boleh diakses dan dikemaskini	4.1 Memastikan sistem yang berkaitan pengurusan pelajar Pasca Siswazah (GSMS, ODL, AIMS) dan penyelia (GSMS, Supervisory System) dalam keadaan yang baik. 4.2 Membuat perancangan pembelian kelengkapan IT untuk keperluan jabatan dan pengurusan pasca siswazah
5	Memantau dan menguruskan pengendalian pengurusan program Pesisir	5.1 Menguruskan pelaksanaan program khas dan pesisir termasuk penetapan yuran, jadual kelas dan urusan peperiksaan. 5.2 Bertanggungjawab dalam urusan kewangan Program Khas dan Pesisir yang ditempatkan di SPS. 5.3 Merancang dan memantau pelaksanaan program remote supervision. 5.4 Merancang dan menguruskan pelaksanaan program ODL di UTM termasuk penglibatan dalam menghasilkan COPPA-ODL dan struktur yuran
6	Memantau pengendalian pengurusan biasiswa	6.1 Memantau pelaksanaan biasiswa Zamalah, IDF dan NPF 6.2 Memantau pelaksanaan geran dan insentif di SPS 6.3 Menjadi Pengerusi Mesyuarat JK Biasiswa.
7	Menjalankan tugas-tugas mengikut keperluan Jabatan/ Universiti.	7.1 Menjadi ahli jawatankuasa seperti Mesyuarat Senat Universiti, J/K Tetap Senat Pengajian Siswazah (JKTS) Peperiksaan dan Pengijazahan, J/K Tetap Senat (Penyelidikan dan Inovasi), J/K Tetap Senat Kurikulum dan Kualiti Akademik, Mesyuarat Panel Perjanjian, Memorandum Persefahaman dan Surat Cara UTM, Mesyuarat Panel Latihan Pembangunan & Pecah Kontrak UTM, JKTS Pembangunan Pelajar dan JKTS Perpustakaan & Sumber Pendidikan. 7.2 Membuat cadangan penambahbaikan yang strategik untuk ekosistem pengajian siswazah di UTM. 7.3 Menjalankan tugas lain yang diarahkan oleh TNCAA dan Naib Canselor dari semasa ke semasa

PENGALAMAN

1. Pengurus Akademik (Penyelidikan & Biasiswa) SPS
2. Timbalan Dekan (Penyelidikan & Biasiswa) SPS.

DIMENSI

- 45 orang staf di SPS Johor Bahru dan Kuala Lumpur
- Empat (4) bahagian di Sekolah Pengajian Siswazah (Johor Bahru & Kuala Lumpur)
- Lapan (8) fakulti di UTM
- 8,918 orang pelajar pasca siswazah

TARIKH KEMASKINI

DISKRIPSI TUGAS PENTADBIR AKADEMIK

NAMA JAWATAN : TIMBALAN PENERUSI, SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH		
BERTANGGUNGJAWAB KEPADA : PENERUSI, SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH		
BIL	AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA
1	Merancang dan menguruskan strategi sekolah siswazah untuk menyediakan ekosistem akademik yang mampan melalui program pasca siswazah yang berkualiti dan cemerlang.	Unit Pembangunan Sistem dan Profesional 1.1 Bertanggungjawab terhadap Unit Pembangunan Program, Profesional & Sistem di SPS. 1.2 Membangunkan Polisi, Prosedur dan Garis Panduan berkaitan pembangunan profesional pelajar pascasiswazah dan penyelia pelajar penyelidikan Pascasiswazah. 1.3 Merancang, mengurus dan memantau Latihan serta program Pembangunan Profesional Pelajar Pascasiswazah di UTM. 1.4 Merancang, mengurus dan memantau program dan latihan Pembangunan kemahiran generik pelajar Pascasiswazah di UTM. 1.5 Merancang, mengurus dan memantau proses lantikan dan latihan bagi Jaminan Kualiti Penyelia pelajar penyelidikan Pascasiswazah. 1.6 Memantau kualiti pengurusan program pengajian siswazah penyelidikan di UTM supaya memenuhi Standard Umum dan Standard Program yang telah ditetapkan oleh badan akreditasi dan professional. 1.7 Memantau proses semakan kurikulum dibuat pada masa yang ditetapkan dan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh badan akreditasi dan profesional. 1.8 Bekerjasama dengan pihak QRiM untuk memastikan program pasca siswazah yang ditawarkan mendapat kelulusan KPT dan didaftarkan di MQR apabila ditawarkan. 1.9 Memudahkan urusan semakan kurikulum dan audit kualiti program pengajian siswazah merangkumi penyediaan dokumen spesifikasi program kertas kerja diantara fakulti/sekolah dengan QRIM

		Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) 2.1 Bertanggungjawab terhadap Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi di SPS 2.2 Memudahkan urusan diantara SPS, Jabatan TNCAA dan UTM Digital bagi tujuan yang berkaitan Teknologi 2.3 Merancang, mengurus dan memantau proses Rekabentuk, Pembangunan, sokongan dan penyelenggaraan sistem dan laman web di SPS untuk keperluan pengajian siswazah 2.4 Bekerjasama dengan UTM Digital berkaitan dengan masalah keperluan Teknologi Maklumat pelajar dan program pascasiswazah UTM 2.5 Memastikan sistem yang berkaitan pengurusan pelajar Pasca Siswazah seperti (GSMS, VIVA, AIMS), pengajaran dan pembelajaran (ODL, elearning@UTM), dan penyelia (GSMS, Supervisory System) dalam keadaan yang baik. 2.6 Membuat perancangan pembelian kelengkapan ICT untuk keperluan jabatan dan pengurusan pasca siswazah
2	Membantu Pengerusi menguruskan segala hal ehwal yang berkaitan pengajian siswazah di UTM.	3.1 Membantu Pengerusi menyediakan rancangan jangka panjang dan jangka pendek pembangunan Pengajian Siswazah bersama Fakulti dan Pusat Kecemerlangan di UTM. 3.2 Membantu Pengerusi memperkenalkan, mempromosi dan melaksanakan program akademik yang menyokong pembelajaran fleksibel dan pembelajaran 3.3 Menjadi Wakil Pengerusi dalam jawatankuasa seperti Mesyuarat Senat Universiti, J/K Tetap Senat Pengajian Siswazah (JKTS) Peperiksaan dan Pengijazahan, J/K Tetap Senat (Penyelidikan dan Inovasi), J/K Tetap Senat Kurikulum dan Kualiti Akademik, Mesyuarat Panel Perjanjian, Memorandum Persefahaman dan Surat Cara UTM, Mesyuarat Panel Latihan Pembangunan & Pecah Kontrak UTM, JKTS Pembangunan Pelajar dan JKTS Perpustakaan & Sumber Pendidikan.

		3.4 Membuat cadangan penambahbaikan yang strategik untuk ekosistem pengajian siswazah di UTM. 3.5 Menjalankan tugas lain yang diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.
PENGALAMAN 1. Timbalan Pengurus Fasiliti 2. Pengurus Teknologi Maklumat		
DIMENSI 1. Bilangan Pegawai di bawah seliaan (Unit IT : 4 orang, Unit PSPP : 5 orang) 2. Program Pascasiswazah (> 200 program) 3. Pelanggan dalaman (> 1000 orang) (pensyarah dan pelajar)		
TARIKH KEMASKINI		

DISKRIPSI TUGAS PENTADBIR AKADEMIK

NAMA JAWATAN : TIMBALAN PENERUSI BPPK, SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH		
BERTANGGUNGJAWAB KEPADA : PENERUSI, SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH		
BIL	AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA
1	Menyelaras dan memantau urusan pengwujudan program baharu bagi memastikan kelancaran program pesisir yang bersistematik dan berkualiti	1.1 Menyelaraskan aktiviti prebiu program baharu 1.2 Memudahcara urusan pengwujudan program baharu melalui fakulti 1.3 Mengesahkan maklumat bagi perbincangan pewujudan program baharu 1.4 Mengesahkan senarai penawaran program baharu
2	Menyelaras dan memantau urusan pendaftaran dan taklimat program baharu bagi memastikan kelancaran proses pendaftaran pelajar baharu	2.1 Menyelaraskan aktiviti pendaftaran program baharu 2.2 Menyemak slaid taklimat pelajar baharu 2.3 Menyemak data dan merangka laporan berkaitan program baharu pada setiap semester 2.4 Menyelaras dan memantau rekod program baharu dan pusat pembelajaran rekod
3	Menyelaras dan memantau urusan pelaksanaan program pesisir bagi memastikan kelancaran program pesisir yang bersistematik dan berkualiti	3.1 Menyemak template jadual kuliah program pesisir pada setiap semester 3.2 Melaksanakan aktiviti penambahbaikan secara berterusan (CQI) program pesisir 3.3 Menyelaras dokumen kualiti dan borang program pesisir
4	Merancang dan memantau urusan pembentangan projek sarjana dan peperiksaan akhir bagi memastikan kelancaran proses penilaian dan peperiksaan pelajar pesisir	4.1 Mengurus data dan merangka laporan berkaitan perjalanan peperiksaan akhir pada setiap semester 4.2 Menyelaras dan memantau rekod jadual pembentangan / peperiksaan akhir program pesisir
5	Memantau dan menguruskan pengendalian pengurusan program Pesisir	5.1 Menguruskan pelaksanaan program khas dan pesisir termasuk penetapan yuran, jadual kelas dan urusan peperiksaan. 5.2 Bertanggungjawab dalam urusan kewangan Program Khas dan Pesisir yang ditempatkan di SPS.

		5.3 Merancang dan memantau pelaksanaan program remote supervision. 5.4 Merancang dan menguruskan pelaksanaan program ODL di UTM termasuk penglibatan dalam menghasilkan COPPA-ODL dan struktur yuran.
6	Menyelaras dan memantau urusan pelaksanaan program ODL bagi memastikan kelancaran program yang bersistematik dan berkualiti	6.1 Menyelaraskan aktiviti pelajar baharu dan memberikan taklimat program ODL 6.2 Merancang dan menyemak template pelan pembelajaran (Study Plan) Program ODL 6.3 Menyelaras dokumen kualiti program ODL 6.4 Melaksanakan aktiviti penambahbaikan secara berterusan (CQI) program ODL
